



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.21 /2019

MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam.

2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 2/2019 (Kali ke-49) yang telah bersidang pada 30 Jun 2019 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Jabatan Perkhidmatan Awam seperti berikut:

| BIL. | PEKELILING | TAJUK | PINDAAN | TARIKH KUAT KUASA |
|------|--|--|---|-------------------|
| 1. | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2019 (Lampiran A) | Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu | Pemandu Kenderaan yang dikhususkan memandu, termasuklah menjaga dan menguruskan kenderaan-kenderaan seperti yang berikut: (i) kereta rasmi / kereta peribadi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B dan ke atas; (ii) kereta peribadi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B dan ke atas; (iii) kereta rasmi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Gred Khas A dan ke atas; (iv) ambulan; (v) kenderaan/jentera Berat Tanpa Muatan (BTM) yang melebihi 5,000 kilogram. | 01 April 2019 |
| 2. | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2019 (Lampiran B) | Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) | Seorang pegawai dalam skim perkhidmatan lain-lain di Gred 28 dan ke bawah yang ditempatkan di pusat tanggungjawab yang mengurus selia kewangan sendiri dan ditetapkan untuk menjalankan tugas dalam bidang pengurusan kewangan selain menjalankan tugas-tugas lain. | 01 April 2019 |


| BIL. | PEKELILING | TAJUK | PINDAAN | TARIKH KUAT KUASA |
|------|--|--|---------|-------------------|
| 3. | Surat Edaran JPA.BK(S) 328/2 Jld.15 (30) (Lampiran C) | Pengecualian Potongan Pinjaman Perumahan bagi Pengiraan Pendapatan Bersih Penjawat Awam. | - | 01 Januari 2019 |
| 4. | Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 43/35 JLD 9(18) (Lampiran D) | Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Tahun Baru Siam (Songkran) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Berketurunan Siam | - | Mulai Tahun 2020 |

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD AKHMAL BIN ABU BAKAR
Menjalankan Tugas Pendaftar

13 JULAI 2019

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
 - Fail Edaran